

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(I)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB. LEE KHAI LOON**

16. Senaraikan cadangan projek pembinaan asrama pekerja asing di Negeri Pulau Pinang mengikut lokasi, bilangan unit dan pemaju.
- (a) Terangkan secara terperinci tentang status terkini bagi setiap projek pembinaan tersebut.
 - (b) Bagaimanakah kerajaan menangani implikasi sosial pembinaan tersebut khasnya bantahan daripada penduduk setempat?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

16. (a) Berdasarkan rekod, terdapat lima (5) lokasi pembinaan asrama pekerja yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dengan jumlah keseluruhan unit yang bakal dibina sebanyak 2,390 unit. Senarai terperinci dan status pembinaan adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Dalam usaha menangani bantahan penduduk setempat terhadap pembinaan hostel pekerja, Kerajaan Negeri telah melakukan beberapa perjumpaan dan sesi dialog bersama penduduk setempat dan mengambil kira setiap pandangan yang dikemukakan. Sebagai contoh, bagi projek pembinaan kuarters pekerja di Juru oleh Syarikat Westlite Dormitory Sdn. Bhd., pihak syarikat telah mengambil kira pandangan yang

dikemukakan oleh penduduk dengan mengurangkan jumlah keluasan tanah daripada 12.6 ekar kepada 6.6 ekar di mana projek yang pada mulanya boleh menempatkan 12,000 orang pekerja telah dikurangkan kepada 6,102 orang pekerja sahaja.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga turut menjelaskan kepada penduduk bahawa projek pembinaan hostel pekerja ini akan dapat menyelesaikan masalah sosial dan persekitaran yang melibatkan pekerja di kawasan berkenaan. Di samping itu, pembinaan hostel ini juga akan dilengkapi dengan ciri-ciri kawalan keselamatan yang tinggi bagi mengawal pergerakan keluar masuk pekerja asing di asrama tersebut. Malahan bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas, Kerajaan Negeri juga turut melebarkan Jalan Juru daripada dua lorong kepada empat lorong bermula dari Persimpangan Jalan Tok Kangar sehingga Persimpangan Jalan Permatang Tinggi.